

14 Oktober 2021

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

Pemegang francais jenama IKEA di Asia Tenggara dan Mexico catat kenaikan perolehan 3.3% pada tahun yang mencabar

Jualan e-dagang IKEA melonjak di tengah-tengah pandemik



Kuala Lumpur – Ikano Retail, iaitu pemegang francais jenama IKEA yang membawa kelengkapan rumah ala Sweden ke Malaysia dan tiga pasaran lain, mencatatkan perolehan sebanyak RM 3.6 bilion pada tahun kewangan lalu, bersamaan dengan kenaikan sebanyak 3.3% dalam tempoh setahun yang menyaksikan impak COVID-19 terhadap perniagaan pusat beli-belah syarikat berkenaan.

“Kami bukan sahaja kehilangan 17% hari perniagaan kami, tetapi juga menghadapi cabaran bekalan yang terburuk dalam sejarah dan sekatan terhadap operasi makanan kami dan sebagainya,” kongsi Ketua Pegawai Eksekutif Ikano Retail, Christian Rojkaer. “Walaupun berhadapan dengan pandemik, kami telah melaksanakan pelan pengembangan, meningkatkan jualan e-dagang sebanyak 57% dan mengekalkan pekerjaan kakitangan kami. Yang paling penting ialah kami terus membantu pelanggan menaik taraf kehidupan di rumah.”

Ikano Retail memiliki portfolio yang terdiri daripada 11 gedung IKEA serta 5 pusat beli-belah utama IKEA, dan beroperasi di Malaysia, Singapura, Thailand dan Mexico. Syarikat ini merupakan salah satu daripada 12 francais IKEA di seluruh dunia, dan perolehan daripada semua gedung IKEA di bawahnya menyumbang kepada jumlah jualan yang bakal dilaporkan pada Khamis (1300 CET) ini oleh francaisor IKEA global, [Inter IKEA Group](#).

Sebahagian besar pertumbuhannya datang daripada Singapura dan Mexico di mana syarikat berkenaan telah melancarkan gedung-gedung IKEA baharu. Di Singapura, Ikano telah melancarkan IKEA Jurong, iaitu gedung IKEA 'format kecil' pertama di Asia Tenggara, yang menawarkan rangkaian produk lengkap melalui penyelesaian digital dan rakan sekerja yang mahir. Di Bandar Raya Mexico pula, Ikano telah melancarkan gedung IKEA pertama di Amerika Latin dan mencatatkan hampir 15 juta kunjungan ke gedung IKEA Oceania serta ke laman web rasminya. Ikano juga menceburi perniagaan pengubahsuaian dan reka bentuk rumah, dengan penubuhan IKEA Planning Studio baharu di Thailand dan Singapura. Selain itu, Ikano juga melancarkan semula IKEA untuk Perniagaan di Asia Tenggara bagi membantu perusahaan kecil menyediakan penyelesaian pejabat, kedai dan sebagainya yang menampilkan inspirasi sentuhan ala Sweden.

Memasuki tahun kedua pandemik COVID-19, ramai telah bergantung pada IKEA untuk membina ruang kerja, bilik permainan dan dapur. Dalam pada itu, gedung-gedung IKEA telah menjual lebih 5 juta mangkuk dan pinggan daripada rangkaian OFTAST, termasuk 2.7 juta unit di Malaysia sahaja.

Ikano juga telah melabur untuk menjamin kesinambungan [Pusat-pusat Ikano](#) di Malaysia dan Thailand, dengan menyokong penyewa-penyewa kami untuk mengharungi tempoh mencabar ini serta memperoleh kadar sewa yang sihat sebanyak 92% di landskap peruncitan yang mencabar. "Kami memastikan pusat-pusat kami terus menjadi tempat pertemuan bagi orang ramai, serta menawarkan tempat bersantai yang selamat dan menyeronokkan ketika ekonomi dibuka semula, sambil kita belajar untuk hidup dengan COVID-19," demikian kata Encik Rojkjaer.

Ikano Retail merancang untuk membuka gedung IKEA yang terbesar di dunia di Filipina, di mana ia telah melancarkan operasi e-dagang baru-baru ini. Di samping itu, ia turut merancang untuk melebarkan sayap ke Vietnam pada tahun-tahun akan datang.

Lihat [gulungan Ikano Retail](#) dari tahun kewangan 2021 (Sep 2020 hingga Ogos 2021).

FAKTA SEPINTAS LALU

1 September 2020 – 31 Ogos 2021

113 juta	juta kunjungan ke laman web IKEA di semua pasaran Ikano Retail - termasuk 39 juta di Malaysia
864,000	pesanan dicatatkan dalam empat pasaran, meningkat 64.5% berbanding tahun sebelumnya
RM 657 juta	jumlah jualan e-dagang di pasaran Ikano Retail, meningkat 57% berbanding tahun kewangan sebelumnya
RM 247 juta	jualan dalam talian di Malaysia sahaja – lebih dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya.
2.9 juta	ahli kelab kesetiaan IKEA Family dalam empat pasaran aktif – termasuk 929,000 di Malaysia
29,794	panel solar di atas bumbung gedung IKEA dan Pusat Ikano
4,321	rakan sekerja di seluruh Ikano Retail – termasuk lebih 1,500 di Malaysia
1,528	penyewa di lima pusat beli-belah di Malaysia dan Thailand
16.1 juta	jumlah bebola daging lembu, bebola daging ayam dan bola sayuran dijual di Malaysia
83	hari penutupan gedung-gedung di Malaysia; 51 hari di Thailand; 2 minggu di IKEA Jurong (secara puratanya)

	Perolehan Tahun Kewangan 2021 September 2020 – Ogos 2021
Malaysia IKEA Damansara + Pusat beli-belah IPC IKEA Cheras + Pusat beli-belah MyTOWN IKEA Tebrau + Pusat beli-belah Toppen IKEA Batu Kawan + Batu Kawan Link	RM 1.3 bilion -13.9% berbanding tahun lalu
Singapura IKEA Tampines IKEA Alexandra IKEA Jurong	RM 1.1 bilion +21% berbanding tahun lalu
Thailand IKEA Bangna + Megabangna shopping Centre IKEA Bang Yai IKEA Phuket	RM 1 bilion -3.3% to berbanding tahun lalu
Mexico IKEA Oceania, opened April 8, 2021	RM 154 juta
Ikano Retail (Jumlah)	MYR 3.6 bilion +3.3% berbanding tahun lalu



Jualan IKEA di bawah Ikano menyumbang kepada keseluruhan hasil yang dilaporkan pada hari Khamis, 14 Oktober jam 13:00 CET oleh Inter-IKEA Group, francaisor IKEA global. Bilik Berita global boleh diakses di sini: <https://about.ikea.com/newsroom>

- TAMAT -

Ikano Retail

Kane Cunico

Corporate Communication Manager

E-mel: kane.cunico@ikano.asia

Archetype Malaysia

Natasha Muin

Consultant

E-mel: ikea@archetype.co

Mengenai Ikano Retail

Kami merupakan salah satu daripada 12 francais IKEA yang berazam mewujudkan kehidupan harian yang lebih baik bagi khalayak ramai di Singapura, Malaysia, Thailand dan Mexico. Malah, kami merancang untuk melebarkan sayap ke lebih pasaran pada beberapa tahun akan datang. Perniagaan IKEA kami menawarkan perabot rumah Sweden yang direka dengan baik pada harga berpatutan. Pusat Ikano kami, yang dihubungkan dengan IKEA, merupakan tempat pertemuan di tengah-tengah komuniti kami. Menerusi pelaburan dalam pelbagai hartanah yang lain, kami mewujudkan destinasi untuk pelbagai tujuan, tidak kira beli-belah, bekerja, tinggal, mahupun bermain. Kami merupakan satu-satunya pemegang francais yang dimiliki oleh keluarga Ingvar Kamprad yang mengasaskan IKEA pada tahun 1943.